

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 2 (17)

Tarikh : 7 Mei 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 3/2019

PAMERAN SALINAN PERAKUAN AKREDITASI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA) DI PREMIS PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa surat makluman ini bertujuan untuk menjelaskan tentang ketetapan mempamerkan salinan perakuan akreditasi MQA di premis Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Ketetapan ini diperuntukkan di bawah Seksyen 47(2), 53(2), 58(3), 63(3) dan 67(3) Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679].
3. Untuk makluman, peruntukan-peruntukan tersebut menyatakan bahawa PPT hendaklah mempamerkan salinan perakuan akreditasi MQA di **'tempat yang mudah dilihat'**. Sebagai penjelasan, frasa **'tempat yang mudah dilihat'** boleh merujuk kepada **mana-mana bahagian atau mana-mana ruang di dalam premis atau bangunan PPT yang mudah diakses oleh pelawat atau umum tanpa sebarang sekatan atau halangan.**
4. MQA akan melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi memastikan salinan perakuan akreditasi MQA dipamerkan berdasarkan ketetapan ini. Kegagalan PPT dalam mempamerkan salinan perakuan akreditasi MQA adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 100(1)(a) Akta 679 yang jika sabit kesalahan boleh **didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.**
5. Sehubungan itu, PPT diharap dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memastikan salinan perakuan akreditasi MQA dipamerkan di premis masing-masing bagi memudahkan pelajar dan pihak berkepentingan membuat rujukan mengenai status akreditasi program yang ditawarkan selaras dengan keperluan Akta 679.

6. Diharapkan agar ketetapan ini dapat memperkukuh keyakinan awam terhadap status akreditasi program pengajian dan seterusnya menjamin kualiti pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik &
Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR